

# Air pasang besar dijangka lebih teruk Disember ini

---

 [utusan.com.my/sains-teknologi/alam-sekitar/air-pasang-besar-dijangka-lebih-teruk-disember-ini-1.397027](https://utusan.com.my/sains-teknologi/alam-sekitar/air-pasang-besar-dijangka-lebih-teruk-disember-ini-1.397027)

KUALA LUMPUR 19 Okt. – Malaysia mungkin berdepan dengan gelombang air pasang besar yang lebih teruk Disember ini disebabkan hujan lebat yang bakal melanda negara dalam tempoh itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB), Datuk Dr. Ahmad Sabirin Arshad berkata, gelombang air pasang besar ketiga yang bakal melanda negara itu sebenarnya diburukkan oleh musim tengkujuh akhir tahun ini.

“Kalau air pasang besar sahaja, kita tidak nampak sebarang perbezaan dengan gelombang sebelum ini,” katanya dalam sidang akhbar selepas Persidangan Pengurusan Bencana dan Teknologi Kedua di sini hari.

Jabatan Meteorologi sebelum ini meramalkan fenomena air pasang besar gelombang kedua dijangka melanda negara ini antara 13 hingga 17 November ini.

Paras kenaikan air pada gelombang kedua berkenaan dijangka tidak setinggi gelombang pertama yang sedang berlaku antara 16 Oktober lalu hingga hari ini, namun ramalan berkenaan tidak boleh dipandang mudah.

Fenomena air pasang berlaku apabila bumi, bulan dan matahari berada pada satu garisan yang sama. Pada 18 September lalu, fenomena air pasang besar menyebabkan beberapa kawasan pantai di Selangor, Perak, Kedah dan Pulau Pinang mengalami banjir.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, pihaknya bersedia menghulurkan bantuan teknikal kepada mangsa gelombang air pasang besar.

“Kita akan bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam berkongsi teknologi MIMOS Berhad,” katanya.